

28/01/2001

Kajian lengkap skim perkhidmatan tentera hampir siap

PEKAN: Kementerian Pertahanan dijangka menyiapkan kajian lengkap mengenai skim perkhidmatan tentera, termasuk pemberian elaun kepada anggotanya dalam beberapa bulan lagi, kata Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, kajian berkenaan yang dijalankan sebuah jawatankuasa dalaman Kementerian Pertahanan, difikirkan munasabah tanpa menjejaskan prinsip perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Saya sebagai mewakili ATM akan berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak berapa lama lagi bagi mengemukakan cadangan yang boleh dipertimbangkan.

"Bagaimanapun, sudah ada beberapa cadangan elaun dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan masih dalam pertimbangan pihak terbabit," katanya di sini semalam.

Najib ditemui selepas majlis ramah mesra Aidilfitri dengan isteri nelayan serta penduduk Kampung Pasir Panjang, di sini.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai kenyataan Dr Mahathir kerajaan akan menambah kemudahan anggota tentera, termasuk elaun dan kemudahan perumahan yang sudah diputuskan, tetapi belum dilaksanakan.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan menyerahkan kepada Kementerian Pertahanan untuk menyediakan kajian lengkap kemudahan yang perlu kepada anggota tentera.

Najib berkata, setakat ini anggota tentera sudah menikmati beberapa elaun, termasuk untuk askar Wataniah yang menjalani latihan.

"Kita juga sudah menaikkan elaun kadet tentera selain memberi elaun kepada anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berkhidmat di terumbu kita RM8 sehari," katanya.

Mengenai program perumahan, beliau berkata, pembinaan kuarters anggota tentera yang masih lagi tertangguh akan dilaksanakan semula.

Najib berkata, kementerian gembira dengan sanjungan dan pengiktirafan Perdana Menteri terhadap jasa dan pengorbanan anggota tentera, lebih-lebih lagi ketika menentang komunis dan berkhidmat di luar negara.

Sementara itu, dalam majlis yang sama Najib meminta semua nelayan mengambil peluang sepenuhnya program nelayan moden yang akan dilancarkan Kementerian Pertanian tidak lama lagi, bagi meningkatkan pendapatan, seterusnya mengubah kehidupan mereka.

Beliau berkata, kementerian terbabit dijangka mewujudkan dana khas bagi memberi kemudahan kepada nelayan membuat pinjaman modal untuk membeli bot besar serta peralatan canggih.

"Semua nelayan harus merebut peluang itu, selain perlu lebih berani membabit diri dalam kegiatan penangkapan ikan laut dalam yang boleh memberi pulangan lumayan, " katanya.

(END)